

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1994/95

April 1995

SAP400 - Seminar Teori Sosial

Masa: [2 jam]

Sila pasti bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) Soalan. Soalan 1 daripada Bahagian A adalah wajib.

BAHAGIAN A

Soalan 1 wajib dijawab.

1. Sejauhmanakah pembangunan teori sosial Barat membantu kita memahami perkembangan masyarakat dan budaya di peringkat global dan tempatan?

(100 markah)

BAHAGIAN B

Jawab DUA (2) soalan sahaja.

2. Tahap kefahaman negara-negara Timur mengenai perindustrian dan modenisasi mungkin berbeza daripada negara-negara Barat. Sambil negara-negara Barat memperkenalkan idea-idea pasca-modernisme ke negara-negara Timur, mereka meluaskan dan memindahkan aktiviti-aktiviti perindustrian dan modenisasi mereka ke negara-negara Timur dalam nama globalisasi. Bincangkan fenomena ini dan kaitkannya dengan perkembangan aliran-aliran teori modenisme dan pasca-modernisme.

(100 markah)

...2/-

3. Apakah unsur-unsur sefahaman dalam Karl Marx dan Max Weber dan mengapakah mereka memberi perhatian kepada fenomena-fenomena yang berbeza dalam sistem-sistem ekonomi Barat?
(100 markah)

4. Proses globalisasi dan keperibumian ilmu membayangkan dua aliran fahaman teori yang berbeza. Bincangkan perkara ini dan jelaskan bagaimana ilmu tempatan Timur boleh diglobalisasikan?
(100 markah)

5. 'Penggunaan psikologi sosial untuk mengkaji perangai kelompok tidak mengfaedahkan.' Bincangkan kenyataan ini.
(100 markah)

6. Bagaimanakah teori alam dan hubungan manusia dengan alam boleh menahan aliran kemusnahan persekitaran? Bincangkan dengan menggunakan kajian-kajian kes yang sesuai.
(100 markah)

- oo o0o oo -